

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI II : 2023 / 2024**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30283
PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEPULUH (10)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.


1. Kenalpasti definisi perniagaan antarabangsa yang paling **BETUL**. CLO1
T1
- A** Perniagaan yang tidak berasaskan pertukaran.
B Perniagaan yang dijalankan di dalam sesebuah negara.
C Perniagaan yang melihat dunia sebagai satu pasaran tunggal.
D Perniagaan yang melibatkan sesebuah negara dengan negara yang lain.
2. “Minyak kelapa sawit dan getah adalah eksport utama Malaysia”. CLO1
T1
Namakan kepentingan perniagaan antarabangsa yang **BETUL** berdasarkan kepada pernyataan di atas.
- A** Meluaskan pasaran
B Meningkatkan guna tenaga
C Menggalakkan pemindahan teknologi
D Mendapatkan kelebihan sumber pengeluaran
3. Pilih antara berikut perbezaan di antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa? CLO1
T1
- I. Perniagaan antarabangsa mempunyai risiko lebih tinggi dari perniagaan dalam negeri.
II. Penggunaan dokumentasi untuk perniagaan antarabangsa adalah lebih mudah dari perniagaan dalam negeri.
III. Perniagaan dalam negeri menggunakan matawang yang sama tetapi perniagaan antarabangsa menggunakan matawang yang berbeza.
IV. Perniagaan dalam negeri merangkumi aktiviti borong dan runcit sementara perniagaan antarabangsa merangkumi aktiviti import, eksport dan entreport.
- A** I,II dan III
B I, II dan IV
C II,III dan IV
D I, III dan IV

4. “Pada tahap ini, tidak berlaku masalah pertukaran mata wang asing kerana CLO1
para peniaga menggunakan mata wang yang sama.” T1

Tentukan tahap perniagaan antarabangsa yang menerangkan pernyataan di atas.

- A Tahap global
- B Tahap domestik
- C Tahap multinasional
- D Tahap antarabangsa

5.



Rajah 1

CLO1
T2

Merujuk Rajah 1, X adalah _____.

- A Import
- B Entrepot
- C Eksport dokumen
- D Eksport perkhidmatan

6.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) dulu dikenali Lembaga Letrik Negara (LLN) menjadi penggerak kemajuan negara dengan menukar wajah desa ke pekan, bandar menjadi bandar raya dan kota metropolitan bergemerlapan.

CLO1
T2


Berdasarkan petikan di atas, kaitkan konsep perniagaan antarabangsa yang **BETUL**.

- A Francais
- B Penswastaan
- C Selatan-selatan
- D Pasaran menimbul

7. Antara berikut, manakah risiko yang mudah di atasi oleh Syarikat CLO1
Multinasional. T3

- A Risiko perubahan politik
- B Risiko tenaga buruh tak berkemahiran
- C Risiko kehilangan aset akibat peperangan
- D Risiko kesukaran mendapat balik keuntungan

8. CLO1
T3



Rajah 2

Kenal pasti struktur organisasi yang dipaparkan di Rajah 2.

- A Matrik
 - B Produk
 - C Geografi
 - D Fungsian
9. Pilih antara berikut cabaran yang akan dihadapi oleh syarikat multinasional dari CLO1
aspek sosiobudaya jika memasuki pasaran negara asing. T3
- A Jantina
 - B Adat resam
 - C Nilai mata wang
 - D Bilangan penduduk

10. Pilih antara berikut Syarikat Multinasional yang terdapat di Malaysia.

CLO1

T3

- I. Toyota
- II. Sime Darby
- III. Pos Malaysia
- IV. Syarikat Bekalan Air Selangor

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** II dan IV

11. Nyatakan akronim bagi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

CLO1

T4

- A** AFTA
- B** NAFTA
- C** ASEAN
- D** MATRADE

12.

- **X** ditubuhkan oleh negara-negara ASEAN pada tahun 1993.
- Antara negara yang menganggotai **X** adalah Singapura, Brunei, Thailand, Indonesia dan Malaysia.
- Matlamat penubuhan **X** adalah untuk menghapuskan tarif, kuota dan bentuk sekatan perdagangan lain.

CLO1

T4

Kenalpasti blok perniagaan yang dimaksudkan oleh **X** di atas?

- A** EU
- B** AFTA
- C** NAFTA
- D** MATRADE

13. Apakah kelebihan taraf perintis yang diberikan oleh kerajaan bagi CLO1 menggalakkan perdagangan antarabangsa? T4
- A** Mengurangkan keuntungan pengeluar yang memasuki pasaran perdagangan antarabangsa
 - B** Bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada pengusaha yang ingin memasukan pasaran antarabangsa
 - C** Pengecualian cukai terhadap keuntungan pengeluar yang diberikan selama beberapa tahun apabila syarikat mula beroperasi
 - D** Menyediakan kemudahan infrastruktur yang lengkap bagi menggalakkan kemasukan pengusaha antarabangsa dalam pasaran Malaysia
14. Pilih yang manakah **BUKAN** tujuan penubuhan *World Trade Organization* CLO1 (WTO). T4
- A** Menguruskan perjanjian perdagangan WTO
 - B** Mengadakan forum perundingan perdagangan
 - C** Memberikan pinjaman kewangan kepada negara yang memerlukan
 - D** Memberikan bantuan teknikal dan latihan kepada negara-negara membangun
15. Pilih tujuan pelaksanaan Kempen Beli Barangan Malaysia yang paling **BETUL**? CLO1 T4
- A** Meningkatkan aliran wang keluar ke negara asing
 - B** Meyakinkan pelabur untuk melabur di pasaran asing
 - C** Menambahkan kesedaran pengguna terhadap barangan tempatan
 - D** Mengurangkan pendapatan negara berasaskan produk negara asing

16. “Syarikat yang menjalankan perniagaan di kawasan ini akan diberikan CLO1 pelepasan duti kastam, duti eksais dan cukai jualan atau cukai perkhidmatan T4 sebagai insentif menarik pengusaha bagi merangsang ekonomi”.

Berdasarkan pernyataan di atas, tentukan jenis galakan pelaburan melalui kempen kerajaan yang tepat.

- A Subsidi
 - B Galakan cukai
 - C Koridor raya multimedia
 - D Zon perdagangan bebas
17. “Bantuan yang diberikan oleh kerajaan kepada individu, unit pengeluaran atau CLO1 pengeksport samada dalam bentuk bayaran langsung seperti geran atau T5 pinjaman atau langkah-langkah yang memberikan kesan yang sama seperti bayaran langsung”

Kenalpasti kaedah perlindungan perdagangan yang dinyatakan di atas.

- A Levi
 - B Cukai
 - C Subsidi
 - D Embargo
18. Tarif ini diadakan bagi meningkatkan tarikan dan minat pembeli domestik dan CLO1 antarabangsa terhadap barangan yang dikeluarkan oleh rakyat Malaysia dalam T5 pasaran antarabangsa.

Apakah kaedah bukan tarif yang sesuai merujuk kepada pernyataan di atas?

- A Anti lambakan
- B Subsidi eksport
- C Kawalan pertukaran wang asing
- D Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia

19. "Malaysia melarang kemasukan barang buatan negara Israel dalam usaha CLO1
mengelakkan sebarang hubungan diplomatik dengan negara tersebut." T5

Pilih kaedah perlindungan perdagangan yang diamalkan oleh Malaysia melalui tindakan di atas?

- A** Embargo
- B** Anti lambakan
- C** Subsidi eksport
- D** Kawalan pertukaran asing

20. Pilih objektif perlindungan perdagangan yang paling **BETUL**. CLO1
T5
- I. Mengurangkan kemasukan eksport
 - II. Melindungi industri muda dan tempatan
 - III. Menjadi sumber pendapatan kepada kerajaan
 - IV. Membantu industri tempatan menghadapi persaingan

- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** tahap perniagaan antarabangsa. CLO1
T1
[4 markah]
- b) Huraikan **TIGA (3)** perbezaan antara perniagaan dalam negeri dan perniagaan antarabangsa. CLO1
T1
[6 markah]
- c) Nyatakan **EMPAT (4)** risiko yang mungkin berlaku kepada syarikat multinasional. CLO1
T3
[4 markah]
- d) Bincangkan **TIGA (3)** kebaikan struktur organisasi produk yang diamalkan oleh sesebuah syarikat multinasional. CLO1
T3
[6 markah]

Soalan 2

- a) Berikan **TIGA (3)** konsep dalam perniagaan antarabangsa. CLO1
T2
[3 markah]
- b) Senaraikan **TIGA (3)** strategi memasuki pasaran antarabangsa selain import dan eksport. CLO1
T2
[3 markah]
- c) Jelaskan **TIGA (3)** objektif perlindungan perdagangan. CLO1
T5
[6 markah]
- d) Bincangkan **EMPAT (4)** kaedah bukan tarif yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan dalam perlaksanaan perlindungan perdagangan antarabangsa. CLO1
T5
[8 markah]

Soalan 3

a) Senaraikan **EMPAT (4)** jenis galakan pelaburan melalui kempen kerajaan. CLO1
[4 markah] T4

b) Terangkan **TIGA (3)** fungsi MATRADE. CLO1
[6 markah] T4

c) CLO1
T4



Rajah 3

Berdasarkan Rajah 3 di atas, terangkan **TIGA (3)** perkara yang berkaitan dengan ASEAN (Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara). CLO1
T4

[6 markah]

d) Nyatakan **EMPAT (4)** objektif penubuhan *European Union* (EU).

[4 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab